



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

5,692 PENDUDUK LABUAN TANAM POKOK KELAPA SEMPENA PROGRAM LABUAN GO GREEN

LABUAN, 25 Februari – Seramai 800 keluarga dari 27 buah kampung di Wilayah Persekutuan Labuan menyertai Program Labuan *Go Green* yang dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 (SHWP 2017). YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini mengagihkan lebih 1,000 benih pokok kelapa matag dan kelapa pandan kepada penduduk Kampung Lajau dan Kampung Bukit Kuda untuk ditanam di dalam kawasan perumahan masing-masing.

Program ini merupakan salah satu langkah awal Kementerian untuk mengurangkan beban rakyat Labuan dari segi mendapatkan bahan-bahan komoditi hasil pertanian seperti kelapa parut dan santan kelapa yang dijual pada harga yang mahal. Penanaman pokok kelapa ini juga akan dilaksanakan di kawasan tanah kosong untuk kegunaan bersama bagi penduduk kampung yang mempunyai kekangan dari segi kawasan tanah di halaman rumah mereka.

Program penanaman kelapa ini dibiayai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan mendapat kerjasama daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Jabatan Pertanian Sabah dari segi memberikan khidmat nasihat mengenai penanaman dan penjagaan pokok kelapa kepada penduduk yang terlibat.

Program penanaman pokok kelapa ini adalah di bawah inisiatif di bawah *task force* khas bagi menangani masalah kos sara hidup yang tinggi di WP Labuan. Kementerian berharap agar usaha penanaman pokok kelapa yang dilaksanakan pada hari ini akan memberikan pulangan kepada penduduk kampung dalam tempoh tiga (3) tahun akan datang apabila pokok ini mula mengeluarkan buah, penduduk boleh menggunakan hasil seperti kelapa parut, santan kelapa serta menikmati air kelapa pandan tanpa perlu membeli dengan harga yang tinggi lagi. Sekiranya terdapat lebihan bahan mentah tersebut, ia boleh digunakan untuk menjana pendapatan sendiri.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
25 Februari 2017